

**KEBOLEHLAKSANAAN PENUBUHAN SURUHANJAYA
PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA DI MALAYSIA:
DAPATAN DARI ANALISIS KUALITATIF**

Mazlan Che Soh, Memiyanti Abdul Rahim, Norol Hamiza Zamzuri
Radduan Yusof, Hasliza Abdul Halim

ABSTRACT

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) is one of the agencies under the supervision of the Ministry of Home Affairs (MOHA). JPPM plays an important role in promoting the development of civil society and volunteerism in the country. The responsibility of JPPM is found to be very significant, especially in ensuring the order and security of the people and the country. with the responsibility to manage almost 180,000 registered establishments as per the statistics of 2022, reflecting the importance of the department's responsibilities. Considering some of the challenges faced and in response to efforts to improve the level of service delivery, a proposal to establish SPPM has been mooted. Thus, this study was carried out using a qualitative approach and aimed to achieve the three objectives of the study. Firstly, to understand the constraints faced by JPPM in performing its function to regulate registered organizations; second, to assess the views and perceptions of stakeholders on the relevance of the existing functions and jurisdictions of JPPM based on the constraints faced; and third, to propose the feasibility of the establishment of an independent commission in line with the Ministry of Home Affairs Strategic Plan 2021-2025 and the JPPM Strategic Plan 2021-2025. A few methods have been used, among others, as in-depth interviews, focus group discussions, public seminars, town hall and roundtable discussions, and literature reviews, a few challenges and constraints were identified, among them perception problems. understaffing, the e-ROSES system, and so forth. It turns out that JPPM, in terms of its function, is still relevant, and most of the informants agreed with the proposed establishment of SPPM. Maintaining JPPM by allowing existing functions to be performed as "status quo" while improving governance and work processes, adequate, effective, and efficient human resources, integrated systems, and more comprehensive Act provisions. However, JPPM in its current state will limit the performance and intention to improve service delivery, and establishing SPPM will offer an independent, autonomous, and authorised commission, thus improving the perception of stakeholders and enhancing the reputation.

Keywords: *Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Suruhanjaya Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Feasibility, NGO, Qualitative Analysis*

ABSTRAK

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) adalah merupakan salah sebuah agensi yang terletak di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri (KDN). JPPM sebagaimana peranan dan fungsi yang telah digariskan memainkan peranan penting dalam menggalakkan perkembangan masyarakat sivil dan kesukarelawanan di negara ini. Tanggungjawab JPPM didapati begitu ketara khususnya dalam memastikan ketenteraman dan keselamatan rakyat serta negara. Dengan tanggungjawab untuk menguruskan hampir 180,000 pertubuhan berdaftar sebagaimana statistik tahun 2022 mencerminkan betapa besar dan beratnya tanggungjawab jabatan ini. Mengambil kira beberapa cabaran yang dihadapi serta sebagai respons terhadap usaha meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan, satu cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (SPPM) telah dikemukakan. Justeru kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif serta bermatlamat bagi mencapai tiga objektif kajian iaitu pertama mengkaji bagi memahami kekangan yang dihadapi oleh JPPM dalam melaksanakan fungsinya untuk mengawal selia pertubuhan berdaftar, kedua untuk menilai pandangan/persepsi pemegang taruh tentang kerelevanan fungsi dan bidang kuasa sedia ada JPPM berdasarkan dengan kekangan yang dihadapi dan ketiga adalah dengan mencadangkan kebolehlaksanaan penubuhan suruhanjaya bebas selari dengan Pelan Strategik 2021-2025 dan Pelan Strategik JPPM 2021-2025. Hasil temubual mendalam, temubual kumpulan berfokus, seminar awam, *Townhall* dan perbincangan meja bulat serta sorotan kesusasteraan, sebanyak tiga belas cabaran dan kekangan telah dikenalpasti menerusi kajian ini melibatkan JPPM antaranya adalah masalah persepsi, kekurangan kakitangan, sistem e-ROSES dan sebagainya. Ternyata JPPM dari segi fungsinya masih relevan dan apabila ditinjau majoriti informan yang terlibat dalam kajian ini memberikan persetujuan dengan cadangan penubuhan SPPM. Mengekalkan JPPM sebagaimana sedia ada membolehkan fungsi sedia ada kekal dilaksanakan sebagaimana "*status quo*" dengan beberapa penambahbaikan terhadap tadbir urus dan proses kerja, sumber manusia yang mencukupi, efektif dan efisien, sistem yang berintegrasi dan peruntukan akta yang lebih menyeluruh. Namun dengan JPPM ianya menghadkan aspek penyampaian perkhidmatan, dan menubuhkan SPPM akan

menawarkan suatu suruhanjaya yang bebas, berautonomi dan berautoriti, sekali gus meningkatkan persepsi pemegang taruh dan meningkatkan reputasi.

Katakunci: *Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Suruhanjaya Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Kebolehlaksanaan, NGO, Analisis Kualitatif*

1.0 PENDAHULUAN

Pertubuhan Bukan Kerajaan atau juga dikenali di dalam Bahasa Inggeris dengan *Non-Governmental Organisation* (NGO) telah memainkan peranan yang amat signifikan dalam kehidupan masyarakat. Pertumbuhan dan perkembangan NGO menjalankan pelbagai fungsi dalam pelbagai skop kehidupan manusia didapati begitu pesat. Sejak tahun 1980-an, NGO aktif memperjuangkan hak-hak dan isu yang berkaitan dengan politik dan demokrasi, hak asasi manusia, alam sekitar, kepenggunaan, pendidikan dan sebagainya. Pertumbuhan pesat ini menyaksikan jumlah NGO di seluruh dunia dianggarkan mencecah 10 juta (*The Global Journal*, 2023). Dengan jumlahnya yang sebegitu besar, maka terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh kerajaan terutamanya dalam konteks pengurusan dan kawal selia.

Di Malaysia, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JPPM, sehingga September 2022, terdapat sebanyak 179,103 pertubuhan di seluruh negara. Jumlah ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pertubuhan politik sebanyak 87,463 buah dan pertubuhan lain sebanyak 91,640 buah. Lihat Jadual 1.

Jadual 1: Statistik Pertubuhan Berdaftar Dengan JPPM (sehingga September 2022)

Bil	Pertubuhan	Jumlah	Jumlah Keseluruhan
1.	Pertubuhan Politik		
	i. Induk	69	
	ii. Cawangan	10,648	87,463
2	Pertubuhan Lain		
	i. Induk	80,992	
	ii. Cawangan	10,648	91,640
	Jumlah Keseluruhan		179,103

Sumber: Bahagian Pengurusan Pertubuhan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, 2022

Berdasarkan statistik di atas, amat jelas bahawa tanggungjawab JPPM yang mempunyai sejarah penubuhan sejak tahun 1949 semasa penjajahan British adalah merupakan antara agensi yang memainkan peranan yang sangat penting terutama dalam menguruskan NGO di Malaysia.

Walau bagaimanapun, pihak JPPM seringkali menjadi mangsa tohmahan dan tuduhan dari pihak-pihak tertentu yang mendakwa ianya tidak cekap serta kompeten dalam menjalankan tugas. Selain itu, kerap kali ianya juga menjadi mangsa tuduhan sebagai agensi yang pilih kasih dalam membuat keputusan serta tunduk kepada “kuasa politik”, khususnya Menteri Dalam Negeri (MDN), di mana beliau merupakan Menteri yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan ini (www.kelabchedet.com, 2018). Ini banyak sekali dikupas dan dibincangkan di akhbar-akhbar sebagaimana berikut. Sebagai contoh, Raja Petra Kamarudin (2013) menulis di *Malaysia Now* berhubung kebebasan berpersatuan di Malaysia dengan membangkitkan polemik berkait dengan desakan pembatalan oleh Karpal Singh terhadap sebuah pertubuhan iaitu *Malaysian Muslim Lawyers Association* lantaran penentangan persatuan ini terhadap langkah diambil *Bar Council* untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan berhubung mencegah penggunaan perkataan Allah oleh akhbar Herald (Kamaruddin, 2013). Ini mencerminkan bagaimana kompleks dan sensitifnya tugas serta fungsi JPPM.

Mengambil kira cabaran-cabaran dihadapi, maka pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Pelan Strategik KDN 2021-2025 serta Pelan Strategik JPPM 2021-2025 telah menggariskan satu cadangan untuk meneliti kebolehlaksanaan penubuhan SPPM bagi menggantikan JPPM yang sedia ada. Justeru kajian ini menggariskan tiga objektif utama iaitu :-

- a. Mengkaji bagi memahami kekangan yang dihadapi oleh JPPM dalam melaksanakan fungsinya untuk mengawal selia pertubuhan berdaftar;
- a. Menilai pandangan/persepsi pemegang taruh tentang kerelevanan fungsi dan bidang kuasa sedia ada JPPM berdasarkan dengan kekangan yang dihadapi; dan
- b. Mencadangkan kebolehlaksanaan penubuhan suruhanjaya bebas selari dengan Pelan Strategik KDN 2021-2025 dan Pelan Strategik JPPM 2021-2025

Artikel ini akan disusun meliputi lima bahagian utama iaitu pengenalan. Selepas ini diikuti dengan kajian literatur khusus meneliti kaedah pengurusan dan pentadbiran terhadap NGO di Malaysia serta beberapa buah negara lain. Ini selanjutnya disusuli dengan perbincangan mengenai metodologi kajian yang akan diperincikan dalam bahagian ketiga. Seterusnya bahagian keempat akan membentangkan dapatan kajian dan bahagian kelima ditutup dengan rumusan dan kesimpulan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 SEJARAH PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI MALAYSIA

JPPM ditubuhkan pada tahun 1949 melalui Enakmen 1899 yang telah dipinda beberapa kali iaitu pada tahun 1927, 1947 dan 1949. Bermula dengan penubuhan jawatan “*Secretary for Chinese Affairs*” (SCA), pihak penjajah British merasakan keperluan untuk mentadbir dan mengawal selia kegiatan pendatang-pendatang Cina dari Tanah Besar China. Pengimportan secara besar-besaran migran China dan India pada awal kedatangan British adalah untuk mengusaha dan mengeksploitasi sumber asli negara seperti getah, kopi dan bijih timah. Pengasingan kaum juga telah dilakukan mengikut sektor, contohnya golongan Cina di bandar dan berfungsi sebagai peniaga dan pelombong; manakala golongan India mengusahakan estet-estet yang terletak di kampung-kampung.

Pendatang Cina pada ketika itu terdiri daripada pelbagai latar belakang, keturunan dan dialek yang berbeza. Kepelbagaian ini telah membuatkan pendatang Cina ini cenderung membentuk kumpulan-kumpulan yang bersifat kebajikan, keagamaan, sosio-budaya dan hiburan, sesuatu yang diwarisi dari negara asal mereka, China. Keanggotaan di dalam kumpulan ini dianggap penting untuk kelangsungan hidup mereka di tempat baharu. Tiga golongan besar Cina pada ketika itu adalah Hakka yang berasal dari pendalaman Kwangtung; Kantonis dari Canton; dan Hokkien dari Daerah Amoi serta beberapa suku lain yang lebih kecil. Keahlian setiap kumpulan ini juga berbeza dari segi kriteria. Misalnya, “Huay Kuan” hanya menerima orang Cina dari wilayah dan dialek yang sama; “Kongsi” dihadkan kepada mereka yang mempunyai nama keluarga yang sama, manakala “Shay-Hui” dibentuk berdasarkan kepada pekerjaan yang sama.

Kewujudan kongsi-kongsi gelap sebagai gerakan subversif menjadikan kumpulan ini sebagai ancaman kepada pentadbiran British di Malaya. Sehubungan dengan itu, pihak British mengatur strategi bagi mengawal gerakan kumpulan-kumpulan yang diwujudkan berasaskan bangsa pada ketika itu. Di antara langkah British adalah pembentukan SCA dan Enakmen Pertubuhan 1899 di Negeri-negeri Bersekutu bagi mengawal aktiviti-aktiviti bangsa Cina yang semakin ramai. Pada tahun 1913, seorang pegawai dilantik untuk mengendalikan pendaftaran penubuhan yang dinamakan sebagai “*Registrar of Society*”. Seperti yang disebut di atas, enakmen ini telah dipinda beberapa kali mengikut kesesuaian keadaan semasa.

Pada tahun 1949, Enakmen Pertubuhan ini dipinda bagi mewajibkan semua pertubuhan untuk didaftarkan dengan “*Registrar of Society*”. Di atas peraturan ini, sebanyak 1,590 pertubuhan telah didaftarkan pada tahun 1949. Akta Pertubuhan 1966 dikuatkuasakan pada 1 Februari 1966 apabila diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1965. Akta Pertubuhan ini adalah gabungan tiga Ordinan yang lain, iaitu Ordinan 1949 (bagi Persekutuan Tanah Melayu), Ordinan Pertubuhan 1957 (bagi Negeri Sarawak), dan Ordinan Pertubuhan 1961 (untuk Negeri Sabah). Justeru, bagi menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan dibentuk.

2.2 MENINJAU JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

2.2.1 Latar Belakang Penubuhan

JPPM adalah sebuah jabatan di bawah KDN yang mengendalikan NGO dan parti politik di negara ini. Definisi menurut Seksyen 2, Akta Pertubuhan 1966 sesebuah pertubuhan ialah mana-mana kelab, perkongsian atau persatuan yang mengandungi tujuh orang ahli atau lebih. Di dalam pertubuhan ini, jenis pertubuhan serta tujuan pertubuhan, samada kekal atau sementara boleh didaftarkan. Namun begitu, pertubuhan tidak boleh didaftarkan jika telah didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pesuruhjaya Sukan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Jabatan Hal Ehwal Veteran.

2.2.2 Fungsi Utama

JPPM berfungsi untuk mendaftar dan mengawal selia pertubuhan, memastikan pertubuhan tidak disalahgunakan, memberikan khidmat nasihat dan panduan kepada pertubuhan. Sebagai contoh, di dalam fungsi pendaftaran pertubuhan, JPPM bertanggungjawab untuk memproses permohonan pendaftaran pertubuhan baru selain memberi kebenaran jika pertubuhan memohon untuk menubuhkan cawangan pertubuhan.

Selain itu, JPPM juga bertanggungjawab untuk pengawasan dan pengawalan pertubuhan. Di dalam fungsi ini, JPPM melaksanakan tugas dengan mengawal kegiatan-kegiatan pertubuhan dan cawangan pertubuhan supaya selaras dengan tujuan-tujuan berdaftarnya dan tidak bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak di Malaysia.

Antara tugas-tugas lain JPPM ialah untuk menyemak penyata kewangan tahunan pertubuhan dan cawangan pertubuhan bagi memastikan kepentingan dan hak ahli-ahli adalah terjamin. JPPM juga berkuasa untuk menentukan jawatan-jawatan di dalam pertubuhan dan cawangan pertubuhan agar ianya tidak dipegang oleh orang-orang yang boleh memudaratkan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam di Malaysia.

2.3 PERBANDINGAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DI NEGARA LAIN

2.3.1 Singapura

Di Singapura, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan mentadbir Akta dan Peraturan Pertubuhan. Seperti di Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan di Singapura juga diletakkan di bawah penyeliaan Kementerian Dalam Negeri. Jabatan ini bertanggungjawab untuk memproses permohonan pendaftaran bagi pertubuhan baharu; memproses permohonan pertukaran nama, pindaan kepada peraturan dan penggunaan simbol oleh pertubuhan berdaftar, nyahdaftar pertubuhan yang tidak berfungsi atau tidak aktif, membubarkan pertubuhan yang ingin menamatkan perkhidmatan secara sukarela; dan memastikan pertubuhan berdaftar memenuhi keperluan berkanun di bawah Akta dan Peraturan Pertubuhan (Registry of Societies, 2022).

Di Singapura, entiti bukan berteraskan keuntungan (*non-profit entity*) boleh didaftarkan sama ada sebagai syarikat awam terhad oleh jaminan (*public company limited by guarantee*), pertubuhan (*society*) atau amanah amal (*charitable trust*). Bagi pertubuhan, mereka dikehendaki untuk berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan aktiviti mereka dikawal di bawah Akta Pertubuhan Singapura 1966. Bagi menjadi sebuah entiti yang sah, Akta Pertubuhan 1966 menghendaki setiap pertubuhan untuk mendapat kelulusan Pendaftar Pertubuhan. Pendaftar boleh menolak permohonan pendaftaran bagi sesebuah pertubuhan sekiranya pertubuhan itu berunsurkan politik dan ada kaitan dengan pertubuhan asing. Iklim politik di Singapura boleh dikatakan terkawal dan kurang kompetitif kerana People's Action Party (PAP) dilihat sebagai sebuah parti yang dominan dan menguasai arena politik di Singapura sejak tahun 1959 lagi. Memandangkan kerajaan PAP telah begitu berjaya membangunkan Singapura, majoriti rakyat Singapura tidak melihat satu keperluan yang mendesak untuk mereka mengukuhkan masyarakat sivil. Untuk mengelakkan masalah penolakan atau kelewatan pendaftaran pertubuhan, masyarakat sivil lebih cenderung untuk mengelakkan sebarang urusan dengan parti pembangkang (Tan, 2010).

2.3.2 United Kingdom

Kebanyakan kerajaan di seluruh dunia telah menggunakan strategi-strategi yang menyukarkan masyarakat sivil untuk beroperasi. Ini termasuklah mengenakan sekatan undang-undang untuk pendaftaran pertubuhan, menggubal undang-undang yang menyekat akses kepada pembiayaan terutamanya dari luar negara, dan sebagainya. Namun, itu tidak berlaku di United Kingdom. Di sana, pengenalan Dasar Masyarakat Besar (*Big Society Policy*) pada tahun 2010 oleh kerajaan gabungan (*the Coalition Government*) menggalakkan percambahan aktivis-aktivis tempatan dan sukarelawan (Hilton et al., 2013). Ia bertujuan untuk membebaskan masyarakat sivil daripada 'belunggu' negara bagi membolehkan mereka mengatur dan membuat inovasi dalam komuniti mereka (Norman, 2010).

Charity Commission for England and Wales merupakan sebuah suruhanjaya yang ditubuhkan bagi menguruskan hal-hal pendaftaran dan pengurusan pertubuhan yang berpangkalan di England dan Wales sahaja. Pertubuhan-pertubuhan amal di sana perlu mendaftarkan pertubuhan mereka sekiranya pendapatannya adalah sekurang-kurangnya £5,000 setahun atau pertubuhan tersebut merupakan sebuah organisasi perbadanan amal (*Charitable Incorporated Organisation*) yang berpangkalan di England atau Wales.

Bagi pertubuhan-pertubuhan baharu di Scotland, mereka perlu mendaftar pertubuhan mereka di *The Scottish Charity Regulator* (OSCR). OSCR merupakan sebuah pejabat bukan kementerian (*a non-ministerial office*) dan sebahagian daripada Pentadbiran Scotland berikutan kewujudan Akta Pelaburan Amal dan Pemegang Amanah (Scotland) 2005. Badan pengawal selia ini memainkan peranan sebagai pendaftar pertubuhan yang bebas untuk lebih 25,000 badan amal Scotland termasuk kumpulan komuniti, badan amal agama, sekolah, universiti, badan amal pemberian geran dan penyedia penjagaan utama. Badan ini bebas daripada seliaan kerajaan Scotland dan mereka bertanggungjawab untuk melaporkan terus kepada Parlimen Scotland setiap tahun (OSCR, 2022).

Di Northern Ireland pula, *The Charity Commission for Northern Ireland* bertanggungjawab untuk menguruskan urusan pendaftaran dan pentadbiran pertubuhan amal di sana. Suruhanjaya ini menafsirkan pelbagai bentuk aktiviti amal termasuklah sumbangan wang, masa dan kemahiran sukarela, kehadiran di acara amal atau kutipan derma, sehinggalah kepada tindakan kecil seperti menyukai halaman Facebook badan amal atau berkongsi berita amal. Suruhanjaya ini amat mementingkan ketelusan dan akauntabiliti dalam urusan pengelolaan pertubuhan bagi memastikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap pertubuhan berada pada tahap yang tinggi. Suruhanjaya ini juga senantiasa memastikan pertubuhan amal mematuhi undang-undang dan bekerjasama dengan pemegang amanah amal untuk membetulkan keadaan sekiranya terdapat sebarang kesalahan tatacara dan pelanggaran undang-undang. Antara nilai-nilai yang dipegang oleh suruhanjaya ini adalah prinsip *impartial* dan *independent* bagi memastikan pertubuhan-pertubuhan yang dibentuk tidak dicampuri dengan keputusan mana-mana pihak (*The Charity Commission for Northern Ireland, 2022*).

2.3.3 Australia

Australian Charities and Not-for-profits Commission (ACNC) telah dibentuk sebagai badan kawal selia kebangsaan di Australia pada tahun 2011. Peranan utama ACNC adalah menentukan status pertubuhan dan menguruskan hal-hal pendaftaran pertubuhan, menjalankan peranan pendidikan untuk pertubuhan yang berdaftar dan menjalankan fungsi pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pertubuhan yang berdaftar mematuhi undang-undang (Murray, 2014). Objektif keseluruhan ACNC adalah untuk mengekalkan, melindungi dan meningkatkan kepercayaan serta keyakinan orang ramai terhadap sektor

organisasi bukan bermotifkan keuntungan melalui peningkatan amalan akauntabiliti dan ketelusan; menyokong dan mengekalkan sektor organisasi bukan bermotifkan keuntungan yang bebas dan inovatif; dan menggalakkan pengurangan kewajipan kawal selia yang tidak perlu ke atas sektor ini (*Australian Charities and Not-for-profits Commission, 2014*).

Badan amal perlu berdaftar dengan ACNC bagi membolehkan mereka mendapat manfaat daripada pengecualian cukai seperti pengecualian cukai pendapatan dan konsesi amal GST (*GST charity concessions*). Apabila badan amal itu berdaftar dengan ACNC, ia boleh memohon konsesi cukai, menerima konsesi, pengecualian atau faedah kerajaan Australia yang lain dan diiktiraf sebagai badan amal berdaftar di Australia serta disenaraikan dalam inventori Daftar ACNC. Badan amal yang berdaftar dengan ACNC perlu menyimpan rekod dan melaporkan kepada ACNC pada setiap tahun. Selain itu, Institut Akauntan Bertauliah di Australia telah mengeluarkan garis panduan dalam menghasilkan laporan kewangan untuk meningkatkan pelaporan tahunan bagi setiap pertubuhan (Roslan et al., 2017).

2.3.4 Amerika Syarikat

Pendaftaran pertubuhan di Amerika Syarikat adalah berbeza dari segi undang-undang dan peraturan mengikut 50 negeri (Roslan et al., 2017). Lebih kurang 1.5 juta pertubuhan sedang beroperasi di sana. Mereka menjalankan pelbagai aktiviti seperti advokasi politik, mengenai isu-isu dasar luar negeri, pilihan raya, alam sekitar, penjagaan kesihatan, hak wanita, pembangunan ekonomi, dan banyak lagi. Secara amnya, mana-mana kumpulan individu boleh berkumpul untuk membentuk organisasi tidak formal bagi membincangkan idea atau kepentingan bersama dan boleh berbuat demikian tanpa penglibatan atau keperluan untuk mendapatkan kelulusan daripada kerajaan.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya sesebuah pertubuhan ingin mendapatkan faedah undang-undang tertentu seperti pengecualian daripada cukai persekutuan dan negeri, pertubuhan tersebut boleh memilih untuk memperbadankan dan mendaftar secara rasmi sebagai NGO di bawah undang-undang yang ditetapkan oleh 50 negeri di Amerika Syarikat. Keperluan pendaftaran dan jenis-jenis pertubuhan adalah berbeza dari negeri ke negeri. Walaupun bagaimanapun, secara amnya, proses pendaftaran adalah mudah dan sesiapa sahaja boleh menubuhkan pertubuhan dalam beberapa hari di peringkat negeri. Proses pendaftaran kebiasaannya hanya melibatkan penyediaan penerangan ringkas mengenai

organisasi, misi, nama, alamat ejen dalam negeri dan perlu membayar yuran. Kebanyakan negeri mempunyai statut dan prosedur yang berlainan dan ia tidak tertakluk kepada kelulusan badan perundangan atau mana-mana pegawai kerajaan yang lain. Pendekatan ini digunakan bagi menghapuskan risiko bahawa pegawai kerajaan mungkin menyalahgunakan kuasanya dalam menentukan kelayakan untuk diberi kelulusan sebagai sebuah pertubuhan.

Di beberapa negeri, NGO yang ditubuhkan bagi tujuan keagamaan, pendidikan dan tujuan amal lain juga mesti mendaftar dengan pegawai amal negeri yang dipertanggungjawabkan untuk melindungi aset kebajikan dan mengawal selia pengumpulan dana amal daripada orang ramai (US Department of State, 2022). Selepas NGO mendaftar, kerajaan Amerika Syarikat tidak melibatkan diri dalam misi NGO tersebut. NGO boleh merekrut peserta dan tidak perlu memberitahu mana-mana agensi kerajaan tentang aktiviti, keahlian, atau jangkauan. NGO juga bebas bekerjasama dengan kerajaan asing. Namun, beberapa peraturan dikenakan, contohnya, mana-mana pertubuhan tidak dibenarkan untuk berinteraksi atau menjalankan aktiviti yang berunsurkan keganasan. Selain itu, mana-mana pertubuhan dibenarkan untuk terlibat dengan aktiviti politik ataupun partisan. Walaubagaimanapun, pertubuhan-pertubuhan seumpama itu dikecualikan untuk mendapat keistimewaan dari segi pengecualian cukai (Human Rights Careers, 2022).

3.0 METODOLOGI

Matlamat utama yang telah ditetapkan menerusi kajian ini adalah untuk meneliti kebolehlaksanaan bagi menubuhkan SPPM sebagai menggantikan fungsi JPPM. Bagi tujuan ini, untuk memahami secara mendalam serta menjawab objektif kajian, dengan mengambil kira sudut pandangan pelbagai pihak berkepentingan, maka pendekatan kualitatif telah digunakan. Pendekatan kualitatif difikirkan amat sesuai memandangkan ianya membolehkan persoalan-persoalan yang telah digariskan menerusi objektif kajian dapat ditelusuri dengan lebih mendalam.

Justeru, bagi mencapai objektif kajian ini, pendekatan kualitatif yang digunakan terbahagi kepada beberapa kaedah iaitu pertama adalah sorotan kesusasteraan ke atas laporan rasmi, laporan akhbar dan sebagainya. Kaedah kedua adalah melibatkan temubual mendalam yang dilakukan melibatkan tiga kategori informan iaitu pegawai KDN, pegawai JPPM serta pegawai dari agensi dan jabatan kerajaan yang mempunyai fungsi yang hampir sama dengan JPPM

manakala temubual mendalam terakhir melibatkan kepimpinan parti politik. Kaedah ketiga adalah melibatkan temubual kumpulan berfokus (FGD). Kaedah ini dilakukan melibatkan dua kategori informan iaitu pegawai JPPM serta kepimpinan NGO. Kaedah keempat adalah seminar awam, melibatkan ahli akademik dan pemimpin NGO serta yang kelima adalah *Townhall* dan perbincangan meja bulat melibatkan pemimpin-pemimpin NGO. Ringkasan berkaitan pengumpulan data bagi kajian ini yang telah berlangsung mulai Ogos hingga Disember 2022 adalah seperti Jadual 2 di bawah:-

Jadual 2: Maklumat Kerja-Kerja Pengumpulan Data

Kaedah	Kategori Informan	Jumlah Informan	Jumlah Keseluruhan	
Temubual Mendalam	Pegawai KDN	3 orang	25 orang	
	Pegawai JPPM	9 orang		
	Pegawai Agensi Luar Parti-parti politik	3 orang 6 parti politik (10 orang)		
Temubual Kumpulan Berfokus (FGD)	Pegawai JPPM		40 orang	
	-Zon Utara	10 orang		
	-Zon Tengah	7 orang		
	-Zon Selatan	7 orang		
	-Zon Timur	10 orang		
	-Zon Sarawak	3 orang		
	-Zon Sabah	3 orang		
	Pemimpin NGO			32 orang
	-Zon Utara	9 orang		
	-Zon Tengah	5 orang		
	-Zon Selatan	6 orang		
	-Zon Timur	4 orang		
-Zon Sarawak	4 orang			
-Zon Sabah	4 orang			
Seminar Awam	Panel	2 orang	87 orang	
	Peserta seminar	85 orang		
Townhall dan Perbincangan meja bulat	Pemimpin NGO	12 orang	12 orang	
JUMLAH KESELURUHAN INFORMAN TERLIBAT			196 orang	

Sumber: Data Kerja Lapangan, 2022

Setiap informan diberikan kod bagi mematuhi aspek ketanpanamaan dan semua sesi ini telah dirakamkan setelah mendapat keizinan dari para informan, kemudian ditranskripsi secara verbatim dan dianalisis menggunakan Atlas Ti. Bagi mengenal pasti kategori dan tema yang berkenaan. Dari sini, maka analisis tematik yang dikenal pasti dapat memberi jawapan kepada persoalan kajian.

4.0 ANALISA DATA

Analisis data ini adalah bagi menjawab tiga objektif kajian yang telah ditetapkan dengan meneliti dapatan dari beberapa temubual mendalam dan temubual kumpulan berfokus bersama informan dari KDN, JPPM, agensi luar dan pemimpin NGO.

4.1 Mengkaji bagi memahami kekangan yang dihadapi oleh JPPM dalam melaksanakan fungsinya untuk mengawal selia pertubuhan berdaftar

Beberapa tema utama telah dikenal pasti bagi menjawab objektif pertama kajian ini iaitu bagi memahami kekangan yang dihadapi oleh JPPM dalam melaksanakan fungsinya untuk mengawal selia pertubuhan berdaftar. Hasil analisis, didapati sebanyak tiga belas kekangan telah dikenal pasti.

Pertama melibatkan masalah dalam pertubuhan itu sendiri iaitu kekangan terhadap aspek maklumat dihadapi JPPM semasa di peringkat awal mempertimbangkan pendaftaran pertubuhan baru. Berikutan masalah tersebut, ianya telah memberikan cabaran kepada pihak JPPM untuk menentukan ketelusan serta kesahihan data serta menyukarkan untuk mereka melakukan semak silang terhadap data-data pertubuhan yang ingin didaftarkan secara rasmi. Beberapa informan memberikan pandangan berhubung perkara ini antaranya sebagaimana ditimbulkan oleh informan 11 yang menjelaskan bahawa turut timbul isu berhubung kesulitan bagi mengesahkan maklumat pertubuhan serta maklumat terkini bagi ahli pertubuhan.

Kekangan kedua adalah melibatkan persepsi pelbagai pihak berkepentingan terhadap JPPM yang sedikit sebanyak mencalarakan reputasi JPPM. Ianya disebabkan oleh berita-berita dan perkongsian maklumat yang disiarkan melalui pelbagai medium media massa dan media sosial. Reputasi JPPM boleh tercalar oleh kerana persepsi rakyat serta pertubuhan yang sedia

ada terhadap JPPM yang menggambarkan agensi tersebut tidak telus dan mempunyai campur tangan politik. Informan 1, 7, 10, 11 telah membangkitkan perkara tersebut.

Kekangan ketiga yang telah diperolehi hasil analisis yang dilakukan adalah melibatkan proses kerja. Isu proses kerja JPPM juga telah menjadi kekangan dalam menjalankan tugas di agensi tersebut. Di antara perkara yang dibangkitkan adalah proses pendaftaran dan semakan data yang dilakukan secara manual, serta pengaturcaraan cara lama yang mengambil masa lama. Perkara ini dibangkitkan oleh Informan 10 dan 11.

Kekangan berikutnya adalah berkait dengan sistem e-ROSES. Masalah sistem utama JPPM, e-ROSES merupakan di antara masalah dan kekangan utama yang dibangkitkan oleh majoriti informan kajian. Isu pokok melibatkan sistem tersebut adalah ianya tidak dikemaskini dan tidak berintegriti menyebabkan pegawai perlu menyemak data sedia ada satu per satu. Menurut beberapa informan (seperti informan 4 dan 6), sistem e-ROSES didapati agak lapuk dan tidak mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti kesalahan yang terdapat di dalam sistem data. Informan 1 pula mengetengahkan beberapa kekangan yang terdapat dalam sistem e-ROSES. Antara yang ditimbulkan oleh beliau adalah ketiadaan “*alert system*” atau notifikasi sekiranya sesebuah pertubuhan itu tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Informan 11 seterusnya menyenaraikan beberapa kekangan dihadapi oleh Bahagian Teknologi Maklumat JPPM antaranya kekangan teknologi, pegawai IT yang perlu menjalani latihan bagi mengendalikan sistem serta JPPM Negeri sebagai pengguna akhir namun mereka terhad memandangkan mereka bukan pentadbir sistem, memandangkan ia berpusat di ibu pejabat. Ini dihambat pula dengan masalah peruntukan kewangan terhad menyelenggara dan menaiktaraf sistem e-ROSES.

Kekangan kelima dihadapi JPPM dalam melaksanakan fungsinya adalah melibatkan masalah sumber kewangan yang terhad. Sumber kewangan adalah antara faktor terpenting dalam memastikan fungsi dan program JPPM dapat berjalan dengan sempurna. Informan 11 membangkitkan bahawa kewangan diperlukan bagi membolehkan pihak JPPM menambah baik sistem yang sedia ada, memberikan latihan kepada pegawai dan wakil pertubuhan di Malaysia, serta mengadakan promosi kepada orang awam. JPPM juga berhadapan dengan kekurangan dana serta sumber kewangan. Yuran pendaftaran yang

dikenakan untuk urusan pendaftaran pertubuhan sebanyak RM30 masih dianggap rendah serta limitasi dalam mengenakan kompaun ke atas pertubuhan yang melanggar akta pertubuhan.

Kekangan keenam JPPM adalah berhubung dengan ketidakseragaman proses kerja di antara JPPM Putrajaya dan Negeri. Menurut informan 10, maklumat tertentu perlu dirujuk ke ibu pejabat dan beliau juga menambah terdapat isu proses kerja yang tidak sama antara ibu pejabat dan negeri. Ini juga disokong oleh informan 5 turut membangkitkan ketidakseragaman amalan pengurusan pertubuhan di kalangan JPPM negeri.

Kekangan ketujuh pula adalah berhubung dengan akta/peruntukan perundangan. JPPM masih perlu melaksanakan fungsi dan tanggung jawabnya dengan merujuk kepada akta berkaitan iaitu Akta Pendaftar Pertubuhan 1966. Misalnya menurut informan 10, notis-notis berkaitan masih perlu dikeluarkan secara manual. Bagi informan 10 pula akta tersebut dilihat agak mengekang. Misalnya isu berhubung tempoh masa selama 30 hari untuk memberi maklum balas perkara berbangkit. Selain bersetuju terhadap kekangan dihadapi akta sedia ada, informan 11 turut membangkitkan perkara berkaitan pemahaman pegawai untuk memberikan interpretasi terhadap peruntukan akta akibat kekurangan pendedahan serta peruntukan perundangan kepada jawatan penguatkuasa atau pegawai yang terhad.

Kekangan kelapan pula dan dilihat antara kekangan terbesar JPPM adalah wujudnya persepsi berlakunya campur tangan/pengaruh politik dalam keputusan yang diambil. Informan 13 misalnya berpendapat JPPM terdedah kepada tekanan dari pihak lain yang berkepentingan politik serta NGO yang berpengaruh. Pandangan ini disokong oleh informan 5 dan informan 10. Akibat pengaruh politik ini sedikit sebanyak ianya mengganggu tugas Pendaftar Pertubuhan menjalankan tugas beliau dengan objektif.

Kekangan kesembilan pula adalah berhubung dengan beban kerja staf dalam menjalankan tugas. Isu berhubung sumber manusia antara kekangan dan cabaran utama yang disampaikan menerusi sesi-sesi temubual dan temubual kumpulan berfokus bersama kakitangan JPPM. Misalnya, hanya terdapat seorang Penasihat Undang-Undang di Ibu Pejabat JPPM Putrajaya bagi mengendalikan kes-kes yang berkaitan. Menurut Informan 5, pada awalnya terdapat dua jawatan Penasihat Undang-Undang namun ianya telah

dijadikan sebagai satu jawatan sahaja. Keadaan ini amat menyebabkan Bahagian Perundangan JPPM berhadapan isu kekurangan sumber manusia yang agak kritikal. Beliau menambah bahawa jawatan PUU penting bagi JPPM memandangkan terdapat kebarangkalian yang tinggi bagi JPPM berhadapan tindakan perundangan dari pelbagai pertubuhan. Pun begitu informan yang ditemu bual mengakui bahawa Pejabat PUU JPPM banyak berhubung dengan Penasihat Undang-Undang KDN serta Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara dalam menjalankan tugas. Kekurangan perjawatan juga berlaku di bahagian siasatan, penguatkuasaan dan sebagainya.

Kekangan kesepuluh dihadapi oleh JPPM adalah keperluan untuk kawal selia bilangan pertubuhan yang semakin banyak. Jumlah pertubuhan berdaftar di bawah JPPM sangat besar. Informan 8 memaklumkan bahawa ini berlaku dengan ketara di kawasan bandar dan negeri berkepadatan tinggi seperti Selangor dan Kuala Lumpur. Pendapat ini disokong oleh informan 9. Jenis pertubuhan di Malaysia juga semakin bertambah dan dinamik, menyebabkan beban kerja semakin bertambah dan terdapat keperluan penambahan pegawai. Ini adalah sebahagian dari pendapat informan 4. Informan 5 pula memaklumkan jumlah pertubuhan yang berdaftar di JPPM sangat besar untuk dikawal selia.

Kekangan kesebelas adalah melibatkan kekurangan kepakaran dalam IT. Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, cabaran JPPM adalah kekurangan staf. Situasi ini ternyata serius terutama melibatkan kepakaran dalam bidang IT. JPPM menguruskan secara dalaman sistem pendaftaran pertubuhan iaitu e-ROSES. Informan 8 dan 9 memaklumkan cabaran utama jabatan adalah berhubung keperluan pengatur cara komputer atau Pegawai IT. Disebabkan JPPM negeri tidak ada pegawai IT, maka sebarang masalah perlu dirujuk ke ibu pejabat dan ini menyebabkan kelewatan. Kekangan juga dihadapi JPPM apabila terdapat persatuan yang kurang cakna terhadap sistem dan IT, sebagaimana dinyatakan Informan 10. Terdapat juga data yang tidak bersih. Pendapat ini dikemukakan informan 11 dan ini memberikan kesulitan kepada JPPM.

Kekangan kedua belas adalah berkenaan dengan pegawai tidak ada imuniti/kekebalan. Pegawai JPPM tidak mempunyai imuniti atau kekebalan dalam menjalankan tugas, sebagaimana dinyatakan informan 8 dan 9. Kemungkinan untuk mereka disaman, diugut dan menerima ancaman dari

pihak-pihak tertentu adalah amat tinggi dan boleh mengancam keselamatan mereka.

Kekangan terakhir adalah berkait dengan masalah mengawal selia. Kekangan turut dihadapi dalam aspek kawal selia. Ini pendapat dikemukakan informan 8 apabila beliau memaklumkan fungsi penguatkuasaan ROS juga termasuk untuk mengawal selia. Namun terdapat banyak kekangan dan cabaran dalam menjalankan tugas ini disebabkan kekurangan pegawai.

4.2 Menilai pandangan/persepsi pemegang taruh tentang kerelevanan fungsi dan bidang kuasa sedia ada JPPM berdasarkan dengan kekangan yang dihadapi

Berdasarkan analisis wujud pelbagai pandangan/persepsi khususnya berhubung dengan kerelevanan fungsi dan bidang kuasa sedia ada JPPM berdasarkan kekangan yang dihadapi. Dapatan terhadap objektif kajian ini hasil analisis adalah sebagaimana berikut:-

a) **Persepsi positif terhadap JPPM**

JPPM telah berfungsi dengan baik dalam pengurusan operasi. Badan ini dilihat memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat. Badan ini juga dapat mengawal selia pertubuhan berdaftar dengan baik. Terdapat penambahbaikan yang dilakukan di JPPM dan ini memberi satu perspektif baru berkaitan perkhidmatan yang disediakan. Pendapat-pendapat ini didapati telah diberikan oleh beberapa informan antaranya adalah ZSBN XX, ZTN 1, ZTN 3, ZTN 7 dan ramai lagi menyatakan berdasarkan pengalaman mereka berurusan dengan JPPM. Informan dari NGO seperti ZSN 8 menyatakan perkhidmatan JPPM adalah baik sebagaimana yang dinyatakan. Informan ZTN 1 pula berpendapat penambahbaikan sudah berlaku di JPPM dan bagi informan 13 yang berpendapat bahawa JPPM dapat mengawal selia pertubuhan berdaftar dengan baik.

b) **JPPM boleh memperkasakan NGO**

Peranan utama JPPM adalah bagi memperkasakan NGO melalui pelbagai strategi aktiviti bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan komuniti. Pandangan ini sebagaimana dinyatakan oleh informan 7 yang berpendapat ini adalah merupakan antara peranan utama JPPM. Peranan utama JPPM lebih tertumpu dalam meningkatkan kehidupan masyarakat. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan seperti bengkel *Corporate Social*

Responsibility (CSR) sepanjang pandemik bagi memberi penekanan terhadap keselamatan dan penggunaan e-ROSES. Program ini dikenali sebagai program *outreach* dan mesra. JPPM juga membantu pertubuhan dalam penjagaan kebersihan sehingga menjadikan salah satu persatuan yang berdaftar di bawah JPPM menjadi persatuan terbaik. Informan ZSWP 1 umpamanya memberikan contoh bagaimana JPPM melakukan aktiviti bagi mendekatkan diri antara pihak jabatan dan juga pihak pertubuhan.

c) JPPM menjaga keselamatan awam dari ancaman gerakan tertentu

Pelbagai cabaran yang harus ditangani oleh JPPM seperti ancaman dari pertubuhan seperti penglibatan politik dalam proses pengoperasian JPPM dan pengurusan pertubuhan semakin mencabar seperti laporan yang dihasilkan tidak seperti yang benar-benar jelas dan terjadi sepanjang proses pengoperasian sesebuah NGO. Ini merupakan cabaran yang harus ditangani oleh JPPM. Penegasan ini telah dikemukakan oleh Informan 1. JPPM juga menurut informan 4 memainkan peranan yang penting sebagai sebuah badan yang mengawal selia pertubuhan yang memberikan ancaman kepada keselamatan negara.

d) JPPM masih relevan dengan pertubuhan di Malaysia yang semakin dinamik

JPPM sangat penting kerana terdapat peningkatan jumlah pertubuhan di Malaysia, sebagaimana dinyatakan oleh informan ZTMP 2, ZUP 8 dan informan 5. Bukan sahaja di peringkat kebangsaan namun peningkatan bilangan pertubuhan berlaku begitu pesat di peringkat negeri dan daerah, seperti dimaklumkan oleh informan ZTMP 1, ZUP 10, ZUP 4 dan SZSWP 1.

e) JPPM masih relevan sebagai badan pemantau pertubuhan di Malaysia

JPPM berperanan sebagai badan pemantau terutama melibatkan isu kewangan sesuatu persatuan melalui penyata-penyata yang dilaporkan kepada JPPM. Pandangan ini dikemukakan oleh informan ZSWP 1 dan ZUP 6. Seterusnya informan ZSN 7, ZSN 4, ZTMN 11 dan informan 10 memberikan pandangan betapa JPPM penting serta relevan untuk menyemak setiap laporan pertubuhan dan ini menggambarkan kepentingan dokumentasi. Pemantauan semakin relevan terutama dalam konteks

penyebaran faham subversif, serta boleh mencetuskan ketidakharmonian dalam negara dan isu-isu pengubahan wang haram.

f) JPPM masih relevan sebagai badan menyelia pertubuhan induk di Malaysia yang mendaftarkan NGO dan parti politik

JPPM berperanan dalam menyelia proses pendaftaran sesuatu pertubuhan. Pendaftaran dibuat secara atas talian dan kelulusan akan diberi dalam bentuk sijil. Jika sesuatu permohonan tidak mencapai kriteria yang ditetapkan, tempoh 30 hari diberi bagi proses rayuan dengan bayaran yuran sebanyak RM50. Walaubagaimanapun, jika terdapat sebarang pindaan kepada permohonan, pindaan boleh juga dibuat melalui sistem dan secara manual. Pun begitu sebagaimana dinyatakan oleh informan 7 bahawa pendaftaran dan pengurusan parti politik dikendalikan secara terus oleh ibu pejabat di Putrajaya. Sebagaimana dinyatakan di atas, pihak JPPM juga berperanan dalam membuat pendaftaran parti politik dan mengambil aduan yang diberikan oleh pertubuhan-pertubuhan berkaitan isu-isu yang mengganggu perlembagaan. Ini adalah kerana JPPM juga berperanan dalam membuat semakan perlembagaan pertubuhan serta mempunyai kuasa dalam mengumumkan jika sesuatu pertubuhan itu tidak sah.

g) JPPM relevan sebagai pemudah cara kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran

JPPM mempunyai hubungan baik dengan pelbagai peringkat pihak berkepentingan. Ini adalah kerana JPPM bertindak sebagai pangkalan data kepada agensi luar dan harus mempunyai hubungan baik dengan agensi luar. Misalnya informan 10 memberikan contoh bagaimana agensi seperti Jabatan Peguam Negara memohon bantuan dan kerjasama JPPM dalam hal yang berkaitan pertubuhan. Kes-kes berkaitan dengan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama, Jabatan Pendidikan dan sebagainya turut mencerminkan hubungan kerjasama baik antara pihak Jabatan dan agensi berkaitan.

Jabatan ini bertindak sebagai pembekal maklumat kepada pelbagai pemegang taruh dan menjadi orang tengah atau pendamai berkaitan isu dalaman pertubuhan. JPPM bertindak dalam memberi nasihat terutama jika ada perebutan kuasa dalam persatuan. Dalam masa yang sama, JPPM juga kadang-kadang perlu bertindak sebagai orang tengah atau “mediator”

dan pendamai apabila berlaku isu dalaman dalam pertubuhan. Peranan ini ada dinyatakan oleh informan ZSWN 2. Peranan khidmat nasihat atau advokasi bagi membantu menyelesaikan masalah dalaman pertubuhan didapati ketara dimainkan sebagaimana pandangan informan 7. Ini ditegaskan lagi oleh informan 1 bahawa JPPM adalah juga merupakan penasihat kepada pertubuhan. Cabaran ini wujud apabila berlaku perebutan kuasa serta lain-lain masalah dalaman.

h) JPPM mempunyai struktur tadbir urus yang jelas dan baik

JPPM didapati mempunyai suatu urus tadbir yang baik kerana mempunyai suatu struktur yang jelas. Penetapan *Key Performance Indikator* (KPI) bagi JPPM juga jelas, sebagaimana pandangan diberikan informan 7. Dari segi struktur organisasi, JPPM juga mempunyai fungsi unit/bahagian pengurusan yang berlebihan. Penetapan KPI yang jelas dan struktur organisasi JPPM yang jelas membantu kelancaran proses pengoperasian oleh JPPM.

i) JPPM menjunjung konsep kebebasan dalam menjalankan tugas

Pemimpin JPPM adalah dilantik oleh kerajaan serta menjunjung *impartiality* sebagai seorang kakitangan awam dan Ketua Pengarah(KP) JPPM bebas dalam tugas bagi menjalankan tugas sebagaimana peruntukan undang-undang. Ini jelas menunjukkan bahawa kuasa KP JPPM adalah bebas. Selain itu, JPPM mempunyai pendirian dalam membuat keputusan berasaskan perundangan.

j) Kuasa keputusan akhir isu rayuan

Sebarang rayuan oleh persatuan yang melanggar akta akan ditangani oleh keputusan akhir yang dibuat oleh Menteri. Ini sedikit sebanyak memberikan persepsi awam sekiranya ianya melibatkan pertubuhan parti politik.

k) JPPM mempunyai sistem pangkalan data yang menjamin kerahsiaan data

Kerahsiaan data pertubuhan adalah terjaga dan amat tinggi dalam menitikberatkan berkaitan isu kerahsiaan persatuan. Ini adalah kerana JPPM mempunyai platform simpanan data dan sistem pemantauan yang perlu dikemaskini.

l) JPPM berfungsi dengan berpandukan kepada akta dan prosedur yang menjamin kebebasan keneutralan

JPPM berfungsi dengan berpandukan kepada akta dan prosedur yang menjamin kebebasan dan sikap berkecuali. Antara lain informan seperti ZSWP 1 berpendapat fungsi JPPM berpandukan sepenuhnya kepada akta sedia ada. Pendapat ini disokong informan 7 dan 1. Akta Pertubuhan 1966 berkuasa ke atas persatuan dan ia termaktub secara jelas dalam akta berkenaan. Ini jelas dilihat kerana JPPM berfungsi mengikut peruntukan akta dan perundangan serta mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

m) JPPM mengamalkan desentralisasi bidang kuasa

Konsep desentralisasi yang diamalkan adalah jelas mengikut negeri-negeri. Pandangan ini dinyatakan oleh informan 4. Ianya memperincikan lagi skop tugas dan bidang kuasa JPPM di peringkat ibu pejabat dan negeri. Namun begitu, terdapat sesetengah bidang tugas yang khusus diuruskan oleh pihak JPPM ibu pejabat.

4.3 Mencadangkan kebolehlaksanaan penubuhan suruhanjaya bebas selari dengan Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri (KDN) 2021-2025 dan Pelan Strategik JPPM 2021-2025

Objektif ketiga kajian ini adalah bagi meninjau pandangan terhadap cadangan kebolehlaksanaan penubuhan SPPM. Analisis yang dilakukan mendapati bahawa cadangan untuk menubuhkan suruhanjaya ini akan memberi beberapa implikasi, sebagaimana perbincangan berikut:

Pertama, penubuhan suruhanjaya adalah wajar bagi meningkatkan reputasi organisasi dan mengubah persepsi pemegang taruh JPPM terutamanya di kalangan masyarakat dan pertubuhan politik. Suruhanjaya juga diyakini boleh menangani persepsi di kalangan pemegang taruh JPPM. Ini adalah sebagaimana dinyatakan oleh Informan 1. Perkara ini turut disokong oleh Informan 10 dan 13.

Kedua, penubuhan suruhanjaya yang dicadangkan adalah yang bersifat neutral dan bebas dalam konteks iaitu bebas dalam struktur organisasi, bebas dari pengaruh serta campur tangan Menteri, dan bebas dari pengaruh/campur

tangan pihak luar. Sebuah Suruhanjaya adalah diyakini bebas dari kuasa Menteri memandangkan ianya tidak diletakkan di bawah kementerian dan diasingkan dengan kuasa Menteri sepertimana yang telah dicadangkan oleh majoriti informan kajian. Dengan pengasingan kuasa menteri, suruhanjaya yang telus dan bebas juga akan wujud. Ini dinyatakan pandangan oleh informan 10. SPPM boleh menjadi pihak “*regulator*” yang bebas tanpa menerima arahan dan tekanan dari mana-mana pihak. Yang paling utama adalah keupayaan suruhanjaya untuk bebas dari pengaruh/campur tangan pihak ketiga serta tanpa campur tangan politik (Informan ZUP 8 dan ZSWP2). Ini adalah penting bagi memastikan keselamatan negara dapat dijaga oleh pihak suruhanjaya bebas dan mampu mengawal selia pertubuhan di Malaysia yang semakin bertambah.

Ketiga, penubuhan suruhanjaya memerlukan penggubalan akta baharu atau penambahbaikan akta yang sedia ada sebagai jaminan penubuhan suruhanjaya yang bebas, sekali gus menerangkan kuasa dan autonomi yang diberikan kepada suruhanjaya yang bakal ditubuhkan. Keperluan akta khas suruhanjaya ini akan memberikan kuasa yang lebih berbanding yang sedia ada. Akta khas ini akan menerangkan secara terperinci fungsi, kuasa, serta perjawatan suruhanjaya serta berupaya menjamin kebebasan suruhanjaya apabila dibentuk. Keperluan meminda akta adalah bagi memastikan ianya selari dengan tujuan penubuhan suruhanjaya. Antara lain, akta berkenaan hendaklah sesuai dengan sifat sebagai suruhanjaya. Penambahbaikan akta juga turut dicadangkan oleh informan melibatkan beberapa aspek antaranya adalah dalam bidang penguatkuasaan dan tafsiran akta, penambahbaikan akta selari dengan fungsi Suruhanjaya, penambahan aspek penggubalan wang haram.

Keempat, JPPM perlu bersedia dalam melaksanakan proses penggubalan/pindaan akta berkaitan. Bagi memastikan proses penambahbaikan akta berjalan lancar, maka pihak JPPM hendaklah bersedia dalam melaksanakan proses penggubalan akta berkenaan yang perlu bermula di peringkat kementerian sehingga dibahaskan di Parlimen. Antara langkah penting adalah dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa pindaan akta. Ini adalah ditegaskan oleh informan 10 untuk memurnikan akta yang sedia ada sekiranya JPPM akan bertransformasi kepada SPPM. Pun begitu usaha untuk menubuhkan suruhanjaya pasti berdepan tekanan dan

cabarannya yang tersendiri. Pandangan ini dinyatakan oleh informan 13. Justeru, persediaan lengkap oleh pihak JPPM amatlah diperlukan.

Kelima, turut dibincangkan adalah berkenaan dengan kuasa dan autonomi suruhanjaya yang bakal ditubuhkan nanti adalah meluas meliputi kuasa melantik, kuasa membuat keputusan, badan induk yang diberikan kuasa mengawal selia dan memantau pertubuhan di Malaysia dan juga kuasa menjana kewangan. Suruhanjaya mempunyai autonomi yang luas meliputi autonomi pengurusan, kewangan, melantik, kuasa yang bebas, autonomi mentadbir, Ini adalah sebagaimana dinyatakan oleh informan 4. Sebagai sebuah suruhanjaya ia turut mempunyai kuasa untuk melantik sendiri staf. Informan ZTP XX berpandangan suruhanjaya yang bakal ditubuhkan perlu diberikan kuasa untuk melantik sendiri pegawai mereka sebagaimana SPRM.

Keenam, beberapa aspek atau isu yang perlu diambil kira oleh Suruhanjaya baru juga dibangkitkan oleh informan. Dapatan dari kajian ini turut mendapati bahawa suruhanjaya yang ditubuhkan perlu mengambil kira isu-isu berikut iaitu tata kelola dan tadbir urus suruhanjaya, penambahbaikan struktur organisasi suruhanjaya, menaiktaraf sistem e-ROSES ke tahap yang maksimum, konsep keterbukaan, Suruhanjaya yang proaktif mendekati pertubuhan diakar umbi, pelantikan pengurusan tertinggi suruhanjaya, penambahbaikan perjawatan dan kepakaran dalam skala yang besar serta implikasi kewangan. Terdapat beberapa cadangan telah dikemukakan seperti penubuhan Unit Bahasa dan Akademi Latihan Khas.

Ketujuh adalah berkenaan dengan struktur pilihan/opsyen sebagai Suruhanjaya. Dalam hal ini, informan juga turut memberikan tumpuan bagi membincangkan apakah cadangan struktur pilihan bagi JPPM apabila berhasrat untuk menjadi sebuah suruhanjaya. Antara cadangan berkaitan adalah berikut:-

- Suruhanjaya yang mengikut struktur tunggal mana-mana suruhanjaya yang sedia ada
- Struktur hibrid yang menggabungkan dua konsep dari suruhanjaya yang berbeza
- Struktur yang masih mengekalkan kerjasama di antara agensi kerajaan
- Struktur seperti badan berkanun
- Mengadaptasi model suruhanjaya luar negara

Suruhanjaya sebagai suatu struktur tunggal sebagaimana struktur Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah sebagaimana cadangan oleh informan 1, 5 dan 11. Selanjutnya dicadangkan satu struktur suruhanjaya seperti Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) sebagaimana cadangan informan 2. Struktur suruhanjaya seterusnya yang dicadangkan adalah seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagaimana diutarakan informan 4, 13 dan ZTP XX. Informan 13 mencadangkan suruhanjaya tersebut kelak mengikut sistem yang diguna pakai oleh Suruhanjaya bebas lain seperti SPRM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Satu lagi cadangan adalah mengikut model *Judicial Appointment Commission* (JAC) dan ini diutarakan oleh informan ZSWN1. Lain-lain cadangan adalah mengikut model Suruhanjaya Koperasi Malaysia (cadangan informan ZSP 7), Pejabat Pesuruhjaya Sukan (informan-ZSP 4) atau mengikut model Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) (informan 18).

Terdapat juga informan yang mencadangkan agar struktur suruhanjaya hibrid diperkenalkan. Ianya mengambil kira penggabungan fungsi dan struktur dua suruhanjaya berbeza seperti menggabungkan fungsi SSM (untuk menjana kewangan) dan SPRM (sebagai *regulator*). Hal ini dicadangkan oleh Informan 4 dan 10 mengambil kira hala tuju SPPM yang perlu menjana kewangan sendiri dan mengawal selia pertubuhan dengan konsep kebebasan dan neutral.

Sebagai suatu suruhanjaya yang penting, kerjasama rentas kementerian/agensi/jabatan amat penting untuk diwujudkan dan diperkasakan. Kerjasama dengan agensi lain seperti PDRM dibangkitkan Informan 13, Jabatan Peguam Negara (Informan 18), serta lain-lain agensi seperti Bank Negara Malaysia, JKM, Jabatan Agama, SPRM dan sebagainya. Informan 18 selanjutnya memberikan cadangan agar struktur suruhanjaya yang baru itu boleh seperti model badan berkanun. Informan 13 juga mencadangkan supaya model yang diguna pakai di luar negara boleh juga diteliti untuk diaplikasikan dan disesuaikan dengan kehendak serta keperluan negara.

Kelapan adalah dibangkitkan terhadap keperluan untuk kerajaan terus mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan. Kewajaran untuk mengadakan sesi libat urus bersama warga JPPM mengenai cadangan penubuhan suruhanjaya bagi mendapatkan maklum balas dan input juga

turut dibangkitkan. Informan 4 menegaskan cadangan bersifat *top-down* wajar disusuli dengan usaha mendapatkan maklum balas dari staf. Informan 12 dan ZUP 11 berpendapat cadangan ini adalah selari dengan perancangan strategik KDN dan JPPM. Pun begitu kerisauan informan 12 juga berkait dengan ketiadaan sesi libat urus pada peringkat awal berkaitan penubuhan suruhanjaya ini dengan staf. Bagi informan 12 adalah penting dan perlu diadakan pendekatan *bottom-up* memandangkan masih terdapat para pegawai kurang faham hala tuju dan struktur penubuhan suruhanjaya, sebagaimana dinyatakan oleh informan ZSP 4,5 dan 7.

Selain daripada temubual mendalam dan temubual kumpulan berfokus yang memberikan tumpuan kepada informan dari kalangan pegawai KDN, JPPM serta kepimpinan NGO, seminar awam, *Townhall* dan perbincangan meja bulat serta temubual mendalam khusus bersama kepimpinan parti politik telah juga diadakan. Bagi seminar awam ia diadakan dengan tujuan untuk dibincangkan keperluan penubuhan Suruhanjaya ini. Seminar yang diadakan secara atas talian ini yang dihadiri lebih 80 orang awam turut dijayakan oleh seorang ahli akademik dari Universiti Malaya dan juga wakil MTUC. Beberapa pandangan telah disampaikan antaranya oleh wakil dari Universiti Malaya yang memberi pandangan seperti berikut:-

“.....Matlamat utama suruhanjaya adalah *impartiality*, *independence* dan *neutrality* dan ini tidak wujud sebab ianya di bawah tanggungan dan bidang kuasa kerajaan. Perlu ada *cost benefit analysis* (CBA) dan penelitian jangka panjang. Dalam masa yang sama, juga beliau menekankan kepada *agenda setting* oleh kerajaanSelanjutnya beliau mencadangkan jadi tumpuan diberikan kepada parti politik dan mungkin pertubuhan ini boleh diletakkan di bawah kawalan SPR dengan meminda dari segi perundangan.....”

Manakala wakil MTUC pula memberikan penekanan terhadap beberapa kekangan yang dihadapi oleh JPPM berdasarkan pengalaman MTUC sendiri.

“.....Berhubung dengan kekangan dihadapi JPPM, pertama, dari segi kepegawaian yang didapati tidak ramai dan gred jawatan tidak tinggi berbanding organisasi kerajaan lain. Misalnya pegawai rendah terus ke KJ, wujud lompong di pengurusan

pertengahan. Dengan nada suruhanjaya kelompongan ini diisi. Kedua, bila ada isu dibangkitkan oleh persatuan, ia mengambil masa lama untuk diselesaikan, di mana kemungkinan kekurangan kakitangan. Persatuan akan berurusan apabila berhadapan masalah dengan peraturan dan mungkin aduan ahli, maka di situlah diperlukan pegawai yang kreatif untuk selesaikan masalah dan di sinilah MTUC berhadapan masalah bila berurusan dengan JPPM.....”

“...Isu yang dibangkitkan bila suruhanjaya ditubuhkan, mungkin yuran-yuran tidak sepatutnya dikenakan dan memberi kesan kepada pertubuhan yang rata-rata bersifat bukan berorientasikan keuntungan. Ianya bukan sekadar tukar pejabat kepada suruhanjaya, bukan untuk “*glamour*” atau pandangan awam semata-mata, tetapi sebaliknya tidak membantu pertubuhan. Dikhuatiri jika tidak diurus dengan baik mungkin menimbulkan kecacatan. Namun asasnya bagi MTUC beliau percaya usaha menubuhkan suruhanjaya akan mampu memberikan lebih kuasa kepada mereka dan menaiktaraf ke arah membantu pertubuhan dengan lebih baik lagi...”

Dalam sesi *Townhall* dan perbincangan meja bulat bersama kepimpinan NGO yang diadakan, beberapa isu, cabaran dan kekangan telah dibangkitkan dan antara isu utama yang dibangkitkan adalah kewujudan garis panduan sedia ada yang dilihat tidak lengkap dan sistematik. Masalah juga dibangkitkan berkait dengan sistem e-ROSES yang diguna pakai oleh JPPM yang dilihat oleh peserta sebagai kurang memuaskan dari segi sistem dan pengurusan data. Peserta juga turut membangkitkan tentang aspek tadbir urus yang lemah dalam JPPM. Isu berhubung kekurangan kakitangan di JPPM yang memungkinkan penyampaian perkhidmatan kurang memuaskan turut ditimbulkan peserta.

Dalam hal ini, terdapat beberapa cadangan diutarakan oleh peserta dalam mengatasi isu dan kekangan yang wujud di dalam JPPM. Pemberian autoriti menyeluruh kepada JPPM dengan menjadikan ia sebuah suruhanjaya bebas dan neutral dilihat antara solusi terbaik. Usaha untuk meningkatkan kecekapan organisasi JPPM yang perlu lebih sistematik dan terurus juga dicadangkan. Proses komunikasi antara JPPM dengan pemegang taruh juga antara yang amat

wajar diberikan penekanan khusus dalam meningkatkan kepercayaan pemegang taruh terhadap perkhidmatan berkualiti oleh JPPM.

Majoriti informan sesi *Townhall* dan perbincangan meja bulat telah menyatakan persetujuan mereka bahawa perlu diwujudkan sebuah suruhanjaya pendaftaran bebas seperti SPR, SPA dan SPRM atas dasar autoriti dan autonomi yang akan diberikan apabila menjadi sebuah suruhanjaya bebas. Pun begitu, di sebalik persetujuan tersebut, terdapat informan yang mempersoalkan kesediaan JPPM menjadi sebuah suruhanjaya. Isu seperti tadbir urus, punca kuasa dan akta serta aspek perundangan sedia ada wajar ditambah baik berbanding JPPM dinaik taraf menjadi sebuah suruhanjaya. Kegagalan JPPM menguruskan isu-isu ini dilihat hanya sia-sia jika JPPM dinaik taraf status tanpa sebarang perubahan.

Satu lagi kelompok pertubuhan terpenting yang diurus dan dikawal selia oleh JPPM adalah parti politik. Pengurusan parti politik didapati antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh jabatan dan untuk itu temubual mendalam telah diadakan dengan pegawai dan pemimpin dari parti politik. Daripada tiga belas yang dihubungi, sebanyak enam parti politik telah menyatakan persetujuan untuk ditemu bual iaitu MIC, MCA, DAP, Parti Warisan, PBB dan juga PEJUANG. Antara isu, cabaran dan kekangan yang dibangkitkan oleh parti politik berhubung JPPM adalah isu kekurangan staf JPPM yang dilihat amat kecil dilihat berbanding jumlah pertubuhan yang perlu diuruskan. Informan 23 menyatakan bahawa terdapat 180,000 pertubuhan di Malaysia dan hanya 2,000 staf di JPPM yang jelas merupakan cabaran yang amat besar. Selain itu terdapat isu pengendalian kerja JPPM yang dilihat tidak begitu lancar. Di antara kekangan dihadapi oleh informan 25 dalam berurusan dengan pihak JPPM adalah perlu mengemukakan dokumen-dokumen selepas mesyuarat agung diadakan ke pihak JPPM Putrajaya. Ini sedikit menyulitkan dari segi logistik memandangkan dokumen tersebut perlu dihantar secara manual. Pada pendapat informan 25 ia wajar dikendalikan terus oleh JPPM Sarawak sahaja demi untuk memudahkan. Disebabkan oleh pengurusan dokumen bagi parti politik dilakukan secara manual, informan 25 memaklumkan bahawa parti beliau berhadapan dengan isu kehilangan atau *misplace* dokumen, meskipun ianya telah dihantar sebelum itu.

Terdapat juga isu di mana pendaftaran pertubuhan terpaksa dibatalkan, dan kes terpaksa dibawa ke mahkamah untuk semakan kehakiman. Campur tangan pihak tertentu apabila JPPM di bawah kementerian menyebabkan keputusan kelulusan pertubuhan tertentu ditentukan dengan arahan pihak lain.

Ini menyebabkan keyakinan terhadap JPPM agak rendah dan mungkin memberi kesan terhadap keupayaan JPPM walaupun diubah status kepada sebuah suruhanjaya. Isu cara kerja JPPM yang dilihat ketinggalan dan tidak bersepadu juga masih wujud. Menurut informan 22, terdapat masalah besar apabila melibatkan sebuah pertubuhan yang besar, mempunyai cawangan yang banyak walaupun ingin melakukan perubahan di sebahagian cawangan yang ada. Kesepaduan di dalam sistem yang agak lemah dilihat menyukarkan persatuan yang besar dalam menguruskan cawangan mereka yang wujud walaupun perubahan hanya berlaku dalam satu atau dua cawangan.

Berdasarkan isu dan cabaran di atas, beberapa cadangan telah dikemukakan dan antaranya adalah dengan menambahbaik sistem e-ROSES dilihat sebagai keutamaan sebagai pemudah cara dalam urusan pertubuhan politik di Malaysia. Sistem e-ROSES dilihat perlu lebih efisien dan efektif. Informan 25 memberitahu terdapat banyak salinan perlu dihantar untuk urusan tertentu, menunjukkan keefisienan amat kurang. Pertubuhan juga diminta menghantar salinan asal borang walaupun salinan sudah dihantar di dalam sistem. Informan 25 mencadangkan sudah sampai masanya pengurusan dokumentasi melibatkan parti-parti politik memanfaatkan teknologi dengan membenarkan penghantaran dokumen dan laporan berkaitan dilakukan secara atas talian.

Salah satu cara yang difikirkan wajar bagi mengatasi kekangan dihadapi JPPM adalah dengan keperluan untuk mewujudkan sebuah suruhanjaya yang bebas, neutral tanpa campur tangan politik. JPPM dilihat perlu bebas dan neutral dalam struktur organisasi dan pelantikan kepimpinan dan ahli suruhanjaya. Badan yang ditubuhkan harus bebas semasa membuat kerja dan keputusan. Ini digambarkan oleh informan seperti respons yang diberikan oleh informan 19. Perlembagaan yang baru perlu diwujudkan agar JPPM bebas daripada sebarang tekanan politik terutamanya.

Selain itu, informan dari parti politik turut menggesa agar JPPM melakukan penambahbaikan proses kerja sedia ada. Gerak kerja ke arah atas talian perlu dilaksanakan dengan kewujudan teknologi yang ada. Proses kerja dilihat dapat menjadi lebih mudah, cepat dan mesra alam dengan tiada penggunaan kertas. Penambahbaikan struktur dengan fungsi asas sebagai badan utama kawal selia pertubuhan di Malaysia juga perlu dilaksanakan. JPPM perlu fokus dalam melaksanakan tugas mereka berdasarkan tuntutan keperluan

pelanggan mereka. Maklum balas daripada pelanggan mereka juga perlu sentiasa diambil kira terutama dari segi penambahbaikan proses dan kerja.

Selanjutnya, cadangan juga dibangkitkan melibatkan penambahbaikan akta khusus bagi memperkasakan fungsi JPPM sebagai sebuah suruhanjaya. Akta perlu ditambah baik dan diperbaharui bagi memastikan kandungan yang ada sesuai dengan keadaan semasa. Isu dapat dikurangkan dan jika wujud sebarang masalah, JPPM dapat diselesaikan tanpa perlu dibawa ke mahkamah.

Berhubung kewajaran penubuhan SPPM, majoriti informan dari parti politik bersetuju dan menyambut baik terhadap cadangan penubuhan SPPM sebagai agensi utama pendaftaran pertubuhan di Malaysia. Perubahan ini juga menurut mereka amat bertepatan dengan agenda reform yang dibawa kerajaan perpaduan sekarang. Sungguhpun sebagaimana dinyatakan di atas majoriti responden dari parti politik bahawa perubahan ini dijangka berkemampuan untuk melonjakkan lagi aspek sistem penyampaian perkhidmatan, perjawatan dan seumpamanya namun mereka juga tidak ketinggalan memberikan beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian. Dalam erti kata lain mereka tidak mahu perubahan ini sekadar *lip service* atau sekadar menukar baju, sebaliknya tidak berlaku perubahan secara total.

Perubahan gaya kerja, budaya dan sebagainya lebih penting. Informan dari parti politik juga menegaskan sekiranya suruhanjaya ditubuhkan kelak beberapa aspek seperti kuasa, keanggotaan suruhanjaya, model dan struktur organisasi dan seumpamanya antara sebahagian perkara yang wajar diberikan perhatian. Pun begitu, bagi parti-parti yang lebih berusia seperti MIC dan MCA mereka mempunyai pendapat sebaliknya dengan menyatakan pendirian bahawa tiada keperluan mendesak untuk menubuhkan suruhanjaya. Sebaliknya usaha perlu diambil untuk menambah baik JPPM. Bagi MCA misalnya, mereka khawatir bahawa suruhanjaya yang bakal dibentuk nanti mungkin memberi kesan terhadap aspek pengurusan parti yang mempunyai sistem cawangan yang lebih kompleks berbanding parti-parti lebih muda. Kuasa suruhanjaya ke atas pertubuhan merupakan sesuatu yang dibimbangi oleh parti ini.

5.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Dapatan melalui analisis kualitatif memberikan dua fokus utama yang perlu diberi perhatian iaitu pertama dari sudut kekangan yang ditemui dalam dapatan bagi operasi JPPM dan kedua adalah fokus yang tiada di dalam operasi JPPM dan memerlukan satu pengurusan baru bagi memenuhi keperluan ini. Terdapat empat fokus yang dikenal pasti boleh ditangani di peringkat JPPM seperti tadbir urus dan proses kerja yang baik, sumber manusia yang mencukupi, efektif dan efisien, sistem yang berintegrasi dan peruntukan akta yang lebih menyeluruh. Kekangan yang wujud di dalam pentadbiran dan operasi JPPM memerlukan tadbir urus dan proses kerja yang baik. Ditambah pula secara majoriti bersependapat JPPM beroperasi dalam kapasiti sumber manusia yang tidak mencukupi dan menyebabkan ada urusan yang menjadi kurang efektif dan efisien. Isu operasi seperti e-ROSES sistem yang kurang berintegrasi akan menyebabkan perjalanan pengurusan pentadbiran yang tidak lancar di dalam JPPM.

Seterusnya terdapat keperluan untuk meminda peruntukan akta sedia ada bagi mengukuhkan struktur, fungsi dan bidang kuasa SPPM. Kajian menunjukkan tiada keperluan untuk menggubal akta baharu bagi SPPM. Namun, akta sedia ada perlu dipinda bagi menambahbaik beberapa komponen. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti SPPM, menentukan tahap kebebasan SPPM, mengukuhkan peranan *regulator* SPPM, serta memudahkan proses kerja pegawai SPPM. Di antara fokus utama pindaan peruntukan akta SPPM adalah seperti berikut:-

- Peruntukan berkaitan struktur suruhanjaya dan proses lantikan pengurusan tertinggi di SPPM
- Peruntukan berkaitan tata kelola dan urus tadbir SPPM meliputi penajaan kewangan, pengurusan kewangan dan pelaporan SPPM
- Peruntukan berkaitan proses perjawatan dan sistem saaraan pegawai SPPM
- Peruntukan berkaitan kuasa, imuniti dan perlindungan pegawai SPPM
- Peruntukan yang lebih tegas dan menyeluruh berkaitan kuasa untuk mengenakan kompaun dan pendakwaan ke atas pertubuhan yang melanggar akta
- Susun atur ayat akta yang lebih jelas untuk memudahkan interpretasi dari segi perundangan

Namun begitu, keperluan terhadap pindaan akta ini memerlukan persediaan penuh dari pihak JPPM. Adalah dinasihatkan supaya pihak JPPM menjalankan proses libat urus secara komprehensif dan menyeluruh dengan semua pegawai dan staf JPPM di semua peringkat (JPPM Ibu pejabat dan JPPM Negeri) bagi memastikan input dan pendapat mereka dapat diambil kira memandangkan terdapat implikasi kepada isu perjawatan sekiranya SPPM akan ditubuhkan. Tambahan lagi, terdapat informan dari JPPM Negeri hanya ambil maklum terhadap cadangan SPPM apabila kajian ini dilaksanakan. Justeru, pemahaman dan intipati mereka perlu diambil kira secara serius.

Keperluan terhadap JPPM untuk menjadi sebuah suruhanjaya yang bebas daripada pendapat pemegang taruh agar mereka dapat berfungsi dengan sendiri. Perlunya sebuah suruhanjaya pendaftaran yang bebas untuk memastikan fungsi mereka seiring dengan perkembangan politik, sosial dan ekonomi negara tanpa pengaruh pihak lain. Penubuhan sebuah suruhanjaya pendaftaran bebas dilihat dapat membawa JPPM lebih proaktif dalam membangun struktur organisasi yang lebih baik dan tadbir urus yang lebih efisien.

Kedudukan JPPM yang sekarang menjadi sebahagian agensi di bawah naungan KDN dilihat mengehad autonomi dan autoriti JPPM. Hal ini berlaku kerana terdapat pengaruh dan tekanan daripada organisasi politik yang memerintah. Kelulusan pendaftaran organisasi politik atau persatuan yang dilihat memberi ancaman hanya kepada parti tertentu ditolak tanpa alasan yang munasabah. Autonomi diperoleh daripada autoriti. Dengan autoriti yang diberi melalui penubuhan suruhanjaya, JPPM dapat membuat keputusan dalam kuasa melantik, kuasa membuat keputusan, badan induk yang diberikan kuasa mengawal selia dan memantau pertubuhan di Malaysia dan juga kuasa menjana kewangan.

Persepsi di kalangan pemegang taruh berkaitan kewajaran penubuhan suruhanjaya adalah berdasarkan kepada keperluan bagi sesuatu sistem yang berautonomi dan mempunyai keupayaan kewangan yang jelas. Sesuatu suruhanjaya harus mempunyai keupayaan meneraju sesebuah struktur tadbir urus dengan efektif dan efisien.

Suruhanjaya harus mempunyai reputasi yang mencerminkan sesuatu sistem tadbir urus yang tidak dipengaruhi mana-mana pihak atau dengan kata lain iaitu

mempunyai satu sistem yang mempunyai autoriti yang jelas dan autonomi dalam penguatkuasaan serta mempunyai pertanggungjawaban yang jelas.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada IPSOM, KDN yang telah membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Australian Charities and Not-for-profits Commission (2014). About ACNC, Canberra, www.acnc.gov.au/ACNC/About_ACNC
- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. (2022). Statistik. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Putrajaya
- Human Rights Careers (2022). How to Register an NGO in the United States, <https://www.humanrightscareers.com/issues/how-to-register-an-ngo-in-the-united-states/>
- Kamaruddin, R.P. (2013, Nov 8). About Freedom of Association in Malaysia. Akses dari <https://www.malaysia-today.net/2013/11/08/about-freedom-of-association-in-malaysia/>.
- Norman, J. (2010). *The Big Society: The Anatomy of the New Politics*. University of Buckingham Press.
- OSCR (2022). Who We Are. <https://www.oscr.org.uk/becoming-a-charity/>.
- Roslan, N., Arshad, R. & Mohd Pauzi, N. F. (2017). Accountability and governance reporting by non-profit organizations. *SHS Web of Conferences*, 36, 1-15
- Tan, K. P. (2010). *Singapore: A Depoliticized Civil Society in a Dominant-Party System?* School of Public Policy, National University of Singapore, 1-4.

The Charity Commission for Northern Ireland (2022). About Us.
<https://www.charitycommissionni.org.uk/about-us/>

US Department of State (2022). Non-Governmental Organizations (NGOs) in the United States, <https://www.state.gov/non-governmental-organizations-ngos-in-the-united-states/>.